

TINGKATAN SATU

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
	Fardhu Ain & Fardhu Kifayah					
1.	Unit 1 : Konsep Fardhu Ain & Kifayah	/		/		
2.	Unit 2 : Kepentingan Fardhu Ain & Kifayah	/		/		
	Bersuci Asas Kebersihan					
3.	Unit 1 : Konsep Bersuci					
4.	Unit 2 : Bersuci Daripada Najis		/			
5.	Unit 3 : Istinja	/				
6.	Unit 4 : Wuduk					//
7.	Unit 5 : Mandi					//
8.	Unit 6 : Tayammum					//
9.	Unit 7 : Samak					//
10.	Unit 8 : Hikmah Bersuci Dalam Kehidupan					
	Solat					
11.	Unit 1 : Solat Fardhu			/		
12.	Unit 2 : Khusyuk Solat & Kesannya Kepada Kehidupan Mukmin			/		
13.	Unit 3 : Tuntutan Solat Berjemaah	/			/	
	Solat Jumaat					
14.	Unit 1 : Konsep Solat Jumaat					/
15.	Unit 2 : Khutbah Jumaat					/
16.	Unit 3 : Adab Makmum Solat Jumaat					/
17.	Solat Sunat Tahhiyatul Masjid Dan Rawatib					//

TAJUK 1 : WUDUK

1. Maksud wuduk:

- membasuh @ menyapu anggota badan yang tertentu dimulai dengan niat kerana Allah SWT

2. Wajib berwuduk apabila hendak mengerjakan ibadat:

- solat
- tawaf
- sujud syukur
- sujud tilawah
- membaca khutbah Jumaat
- menyentuh / membawa al-Quran

3. Empat rukun wuduk selain daripada niat:

- membasuh muka
- membasuh tangan hingga ke siku
- menyapu sedikit kepala
- membasuh kaki hingga ke buku lali
- tertib

4. Perkara sunat dan makruh wuduk:

Bil	Perkara Sunat Wuduk	Perkara Makruh Wuduk
1.	dimulakan dengan 'basmalah'	bercakap ketika berwuduk
2.	membasuh tangan	memasukkan air ke hidun berlebihan
3.	berkumur-kumur	membasuh lebih dari 3 kali
4.	mendahulukan anggota kanan	mendahulukan anggota kiri

5. Perkara-perkara yang membatalkan wuduk:

- hilang akal
- tidur yang tidak tetap punggung
- menyentuh kemaluan tanpa berlapak
- keluar sesuatu daripada qubul dan dubur
- bersentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram tanpa berlapak

6. Hikmah berwuduk:

- menghapuskan dosa-dosa kecil
- membangunkan minda dan menjernihkan jiwa
- membersihkan anggota yang terdedah kepada kekotoran

TAJUK 2 : MANDI

1. Pengertian mandi:

- meratakan air mutlak ke seluruh anggota badan yang dengan niat

2. Bahagian mandi:

- **Mandi wajib** – mandi yang disertakan niat kerana berhadas besar
- **Mandi sunat** – mandi yang disertakan niat kerana tujuan tertentu seperti mandi hari Jumaat

3. Sebab yang mewajibkan mandi bagi lelaki dan perempuan:

- keluar mani
- bersetubuh
- mati selain mati syahid

4. Sebab yang mewajibkan mandi bagi perempuan sahaja:

- keluar haid
- keluar nifas
- wiladah / melahirkan anak

5. Rukun mandi wajib:

- niat
- meratakan air ke seluruh badan

6. Perkara sunat ketika mandi wajib:

- berdoa selepas mandi
- berwuduk sebelum mandi
- membersihkan najis / kotoran
- mendahulukan anggota kanan
- menggosok seluruh anggota badan
- memulakan mandi dengan basmalah
- menyelati jari kaki, tangan dan rambut

7. Dua perbezaan antara mandi wajib dengan mandi sunat:

Bil	Mandi Wajib	Mandi Sunat
1.	hukumnya wajib	hukumnya sunat
2.	mandi kerana keluar haid	mandi sunat hari Jumaat

8. Perkara yang haram dilakukan ketika berhadas besar:

- tawaf
- berhenti dalam masjid
- puasa wajib atau sunat
- solat sama ada wajib atau sunat
- membaca, menyentuh dan membawa al-Quran

TAJUK 3 : TAYAMMUM

1. Pengertian tayammum:

- menyapu debu tanah yang suci ke muka dan kedua-dua belah tangan hingga ke siku dengan syarat tertentu disertai dengan niat

2. Sebab-sebab membolehkan tayammum:

- ketiadaan air
- tidak boleh menggunakan air disebabkan sakit

3. Syarat-syarat tayammum:

- masuk waktu solat
- debu tanah yang suci daripada najis
- telah berusaha untuk mendapatkan air
- hanya sah untuk satu waktu / solat fardu
- menghilangkan najis sebelum bertayammum
- debu yang kering, tidak bercampur lumpur atau kapur

4. Perkara sunat ketika bertayammum:

- mengadap kiblat
- mendahulukan tangan kanan
- memulakan dengan basmalah
- menipiskan debu tanah di tapak tangan
- merenggangkan jari semasa menangkap debu
- berturut-turut antara menyapu muka dan tangan
-

5. Perkara membatalkan tayammum:

- semua perkara membatalkan wuduk
- ada air jika bertayammum kerana tiada air

6. Perbezaan antara wuduk dengan tayammum:

Wuduk	Tayammum
i. menggunakan air	i. menggunakan debu tanah
ii. boleh dilakukan bila-bila masa	ii. dilakukan setelah masuk waktu solat
iii. wajib dibasuh muka, tangan, kepala dan kaki	iii. muka dan tangan sahaja
iv. boleh digunakan untuk beberapa waktu solat	iv. hanya untuk sekali solat fardu

7. Hikmah tayammum:

- memberi ketenangan jiwa
- mendidik individu menjaga solat
- memelihara keunggulan syariat Islam
- dapat mengerjakan solat dalam apa jua keadaan

TAJUK 4 : SAMAK

1. Maksud samak:

- menyuci kulit binatang selain daripada kulit anjing dan babi dengan cara tertentu

2. Alat menyamak:

- bahan yang boleh menanggalkan lendir dan darah **contoh** tawas, kapur sireh, bahan kimia, buah manjakani dan kulit kayu

3. Cara-cara menyamak:

- kulit binatang hendaklah dibuang lendir, lemak dan darah terlebih dahulu
- kemudian digosok dengan bahan-bahan yang boleh menanggalkan benda yang masih melekat pada kulit
- selepas disamak, kulit tersebut hendaklah dijemur hingga kering

4. Faedah / kepentingan menyamak:

- dapat meningkatkan ekonomi negara
- menambah peluang pekerjaan kepada masyarakat
- kulit boleh dimanfaatkan untuk kegunaan manusia seperti pakaian & perhiasan

TAJUK 5 : KONSEP SOLAT JUMAAT

1. Maksud solat Jumaat:

- solat 2 rakaat dalam waktu zohor pada hari Jumaat, didahului dengan 2 khutbah dengan syarat-syarat tertentu

2. Hukum solat Jumaat:

- **wajib** - bagi lelaki muslim yang cukup syarat
- **berdosa** – meninggalkan solat Jumaat
- meninggalkan solat Jumaat 3 kali berturut-turut – akan ditutup hati daripada menerima hidayah Allah SWT

3. Keistimewaan hari Jumaat:

- penghulu segala hari
- hari berlakunya kiamat
- Nabi Adam as dicipta dan diwafatkan
- Allah SWT mengurniakan rahmat kepada hambaNya
- Allah SWT memakbulkan doa hambaNya yang beramal soleh
- Nabi Adam as dikeluarkan dari Syurga dan diturunkan ke dunia

4. Syarat-syarat wajib solat Jumaat:

- Islam
- Baligh
- Lelaki
- Berakal
- Merdeka
- Bermukim
- Berkemampuan

5. Syarat-syarat sah solat Jumaat:

- ditunaikan di tempat khas – masjid / tanah lapang bagi penduduk tetap (mastautin)
- ditunaikan secara berjemaah
- ditunaikan dalam waktu zohor
- sekurang-kurang 40 orang jemaah
- didahului 2 khutbah sebelum solat Jumaat

6. Hukum menunaikan solat Jumaat bagi mastautin, bermukim dan musafir:

Jenis	Maksud	Hukum menunaikan Jumaat	Perkiraan ahli Jumaat
Mastautin	Orang yang tinggal tetap di suatu tempat	wajib	Tergolong dalam 40 orang jemaah
Bermukim	Orang yang tinggal di suatu tempat untuk tempoh tertentu / sementara	wajib	Tidak dikira dalam 40 orang jemaah
Musafir	Orang yang dalam perjalanan jauh melebihi 2 marhalah (93km)	Tidak wajib	Tidak dikira dalam bilangan jemaah

7. Hikmah solat Jumaat:

- mengukuhkan ikatan silaturrahim
- dapat menambahkan ilmu pengetahuan
- mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan
- dapat bertukar fikiran untuk kepentingan bersama
- mempertingkatkan semangat tanggungjawab kepada agama

TAJUK 6 : KHUTBAH JUMAAT

1. Maksud khutbah:

- ucapan / syarahan yang disampaikan oleh khatib sebelum solat Jumaat yang mengandungi nasihat, peringatan dan pengajaran

2. Syarat sah khutbah Jumaat:

- khatib menutup aurat
- khatib mestilah seorang lelaki
- dibaca sebelum solat Jumaat
- dibaca setelah masuk waktu zohor
- berturut-turut di antara dua khutbah
- khatib suci daripada hadas dan najis
- dibaca sambil berdiri jika berkemampuan
- khatib duduk sebentar di antara dua khutbah
- rukun khutbah disampaikan dalam Bahasa Arab
- khutbah boleh didengar sekurang-kurang oleh 40 orang ahli Jumaat

3. Rukun khutbah:

- memuji Allah SWT sekurang-kurangnya mengucapkan Alhamdulillah
- berselawat ke atas Nabi Muhamad SAW
- mengingatkan jemaah supaya bertaqwa kepada Allah SWT
- membaca sekurang-kurangnya satu ayat al-Quran
- mendoakan orang Islam

4. Perkara-perkara sunat khutbah:

- disampaikan di atas mimbar
- khutbah itu ringkas dan padat
- disampaikan dengan fasih dan jelas
- memegang tongkat ketika berkhutbah
- rukun khutbah disampaikan mengikut tertib
- disampaikan dengan suara yang nyaring dan lantang

TAJUK 7 : ADAB MAKMUM SOLAT JUMAAT**1. Adab makmum semasa di masjid:**

- badan dan pakaian suci
- memakai wangi-wangian
- dalam keadaan berwuduk
- menjaga kebersihan masjid
- menjaga ketenteraman jemaah
- menjauhi percakapan yang sia-sia

2. Adab makmum semasa memasuki masjid:

- membaca doa
- mendahulukan kaki kanan
- tidak melangkah makmum lain yang duduk
- memenuhi ruang hadapan yang kosong
- tidak melintas di hadapan makmum yang sedang solat

3. Adab / perkara sunat semasa berada dalam masjid:

- berniat iktikaf
- duduk dengan tertib
- bersalam dengan jemaah yang berdekatan
- memberi ruang kepada jemaah lain untuk duduk
- membaca al-Quran, berselawat, berzikir dan berdoa
- menunaikan solat sunat Tahiyatul Masjid sebelum duduk

4. Adab sebelum solat Jumaat:

- mandi sunat Jumaat
- datang awal ke masjid
- memakai minyak wangi
- memakai pakaian bersih dan kemas
- memotong kuku, menggunting misaim dan bercukur

5. Adab semasa solat Jumaat:

- bersama-sama imam menyebut "*amin*"
- memberi perhatian semasa khatib berkhotbah
- tidak menyamai atau mendahului pergerakan imam

6. Adab selepas solat Jumaat:

- berdoa selepas solat
- melakukan solat sunat
- berdoa ketika keluar masjid
- segera meneruskan aktiviti harian

7. Kelebihan adab solat Jumaat:

- dimakbulkan doa
- dimampunkan dosa
- memperoleh hidayah
- bertambah ilmu pengetahuan
- mengukuhkan iman dan takwa
- dikurniakan rahmat dan barakah

TAJUK 8 : SOLAT TAHIYATUL MASJID & RAWATIB

1. Pengertian solat sunat Tahiyatul Masjid:

- solat sunat 2 rakaat yang dilakukan sebaik sahaja seseorang itu masuk ke dalam masjid

2. Pengertian solat sunat Rawatib:

- solat sunat yang dilakukan sebelum atau selepas solat fardhu.

3. Bahagian-bahagian solat sunat Rawatib.

- solat ba'diah (selepas solat fardhu)
- solat qabliah (sebelum solat fardhu)

4. Jenis-jenis solat sunat Rawatib:

- solat sunat 2 rakaat sebelum solat fardhu Subuh
- solat sunat 2 rakaat sebelum & selepas solat fardhu Zuhur
- solat sunat 2 rakaat sebelum solat fardhu Asar
- solat sunat 2 rakaat selepas solat fardhu Maghrib
- solat sunat 2 rakaat sebelum & selepas solat fardhu Isyak

5. Hikmat solat sunat Rawatib:

- mendidik diri sentiasa berdisiplin
- membentuk sifat mulia dalam diri
- menyempurnakan kekurangan dalam solat fardhu

TINGKATAN DUA

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
1.	Solat Qasar Dan Jamak	/		/		
	Puasa Menjana Keperibadian Muslim					
2.	Unit 1 : Ibadah Puasa				/	//
3.	Unit 2 : Golongan Yang Harus Berbuka Puasa					//
4.	Menghayati Bulan Ramadan					
5.	Zakat Fitrah		/	/		

TAJUK 1 : IBADAT PUASA

1. Maksud puasa:

- menahan diri dari melakukan perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari beserta niat

2. Syarat-syarat wajib puasa:

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Tidak uzur syarie (haid, nifas, pitam sepanjang hari)

3. Syarat-syarat sah puasa:

- Islam
- Berakal
- Mumaiyyiz
- Niat pada waktu malam
- Suci daripada haid dan nifas
- Berpuasa pada hari yang diharuskan
- Menahan diri dari perkara yang membatalkan puasa

4. Rukun puasa:

- Niat
- Menahan diri dari melakukan perkara membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari

5. Perkara-perkara yang membatalkan puasa:

- murtad
- bersalin
- keluar haid @ nifas
- gila walaupun sekejap
- bersetubuh di siang hari
- muntah dengan sengaja
- berbuka sebelum masuk waktu
- makan & minum dengan sengaja
- pengsan @ mabuk sepanjang hari
- mengeluarkan mani dengan sengaja
- memasukkan sesuatu objek ke dalam rongga badan

6. Perkara-perkara makruh:

- berbekam
- tidur sepanjang hari
- bercakap perkara keji
- mencium isteri @ suami
- berkumur berlebih-lebihan
- merasa makanan dengan lidah

7. Perkara-perkara sunat:

- memberi sedekah
- melewati sahur
- membaca al-Quran
- berzikir / berselawat
- berbuka dengan buah tamar
- mandi janabah sebelum fajar
- menunaikan solat sunat terawih

8. Jenis-jenis puasa:

- Puasa nazar
- Puasa Qadak (Ganti)
- Puasa kafarat (denda)
- Puasa bulan Ramadan

9. Hari disunatkan berpuasa:

- Hari Isnin & Khamis
- Pada 9 & 10 Muharram
- Hari Arafah (9 Zulhijjah)
- Puasa enam di bulan Syawal
- Pada 13, 14 & 15 setiap bulan
- Puasa di bulan Rejab & Syaaban

10. Hikmah berpuasa:

- melahirkan keinsafan dalam diri
- membina kekuatan rohani & jasmani
- mendidik diri bersifat sabar dan ikhlas
- melahirkan perasaan kasihan belas kepada fakir miskin

TAJUK 2 : GOLONGAN YANG DIHARUSKAN BERBUKA PUASA
1. Golongan yang harus berbuka puasa:

- orang bermusafir
- orang tua yang tidak mampu berpuasa
- orang sakit tenat yang tiada harapan sembuh
- orang sakit yang boleh memudaratkan dirinya
- . orang yang melakukan pekerjaan berat sepanjang hari
- orang yang tersangat lapar atau dahaga yang membahayakan dirinya
- perempuan mengandung yang bimbang kesihatan diri atau kandungannya
- perempuan yang menyusukan anak untuk menjaga kesihatan diri atau anaknya

1. Golongan yang diharamkan puasa:

- perempuan haid
- perempuan nifas
- perempuan wiladah / bersalin

3. Maksud qadak puasa:

- mengerjakan semula puasa yang tidak sah, yang tertinggal atau sengahaja ditinggalkan pada hari lain

4. Maksud fidyah puasa:

- gantian yang dikenakan kepada orang Islam yang melakukan beberapa kesalahan tertentu ketika ibadat puasa

5. Maksud kafarat puasa:

- denda yang dikenakan kerana melanggar sesuatu peraturan semasa berpuasa.

6. Golongan yang wajib qadak :

- musafir yang diharuskan syarak
- perempuan haid, beranak dan nifas
- orang yang sakit yang memudaratkan jika berpuasa
- perempuan mengandung atau menyusukan anak kerana bimbang kesihatan dirinya

7. Golongan yang wajib membayar fidyah :

- sakit tenat yang tiada harapan sembuh
- orang yang bekerja penat sepanjang hari
- orang tua yang tidak berdaya untuk berpuasa

8. Golongan yang wajib qadak dan fidyah :

- lewat mengkadak puasa hingga tiba Ramadan berikutnya
- perempuan menyusukan anak kerana bimbang kesihatan diri dan anaknya
- perempuan mengandung kerana bimbang kesihatan diri dan kandungannya

9. Golongan yang wajib qadak dan kafarah :

- suami yang melakukan persetubuhan dengan sengaja pada siang hari di bulan Ramadan

10. Hikmat diharuskan berbuka puasa:

- mendapat hidayah dan keredaan Allah SWT
- menjalani kehidupan berlandaskan hukum syarak
- memberi semangat untuk terus mengerjakan ibadat puasa
- memberi kemudahan dan kesenangan kepada mereka yang tidak dapat berpuasa

TINGKATAN TIGA

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
1.	Solat Ketika Sakit	/		/		
2.	Solat Aidilfitri & Aidiladha					//
3.	Solat Sunat Hajat				/	
4.	Solat Sunat Tahajud				/	
5.	Pengurusan Jenazah Satu Kefarduan			/		
6.	Zakat Harta				/	//

TAJUK 1 : SOLAT SUNAT AIDILFITRI & AIDILADHA

1. Maksud Solat Sunat Aidilfitri & Solat Sunat AidilAdha:

- Solat Aidilfitri ialah solat 2 rakaat yang ditunaikan pada pagi 1 Syawal
- Solat AidilAdha ialah solat 2 rakaat yang ditunaikan pada pagi 10 Zulhijjah

2. Persiapan diri yang sunat dilakukan oleh seseorang muslim sebelum menunaikan solat sunat hari raya:

- banyakkkan sedekah
- pergi awal ke masjid
- membayar zakat fitrah
- memakai pakaian yang bersih
- mandi sunat pada pagi hari raya
- memakai wangi-wangian bagi lelaki
- menghidupkan malam raya dengan ibadat
- bermaaf-maafan dengan ibu bapa dan keluarga
- berwajah ceria dan senyum pada setiap orang Islam yang ditemui

3. Perbezaan antara solat hari raya dengan solat Jumaat:

Perkara	Solat Hari Raya	Solat Jumaat
Hukum	- sunat bagi lelaki dan perempuan	- wajib bagi lelaki yang mukallaf yang bermukim
Waktu	- pagi 1 Syawal dan 10 Zulhijjah	- setiap waktu zohor hari Jumaat
Khutbah	- selepas solat	- sebelum solat
Tempat	- masjid, surau, padang	- masjid atau surau yang diiktiraf
Bilangan Jemaah	- sekurang-kurangnya 2 orang	- sekurang-kurangnya 40 orang lelaki yang bermastautin
Takbir	- sunat takbir dan tasbih sebelum membaca al-fatihah	- tidak disunatkan takbir

4. Hikmat solat Aidilfitri dan Aidiladha terhadap masyarakat:

- menzahirkan syiar agama Islam
- mengukuhkan hubungan silaturrahim
- mengambil pengajaran daripada khutbah
- melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan bertanggungjawab

5. Kepentingan takbir hari raya:

- meningkatkan syiar Islam
- melahirkan kesyukuran kepada Allah SWT
- memantapkan semangat perjuangan umat Islam
- mengingatkan kita tentang kebesaran Allah SWT

TAJUK 2 : ZAKAT HARTA

1. Maksud zakat harta:

- mengeluarkan harta benda yang tertentu dengan syarat yang tertentu dan diberikan kepada golongan yang tertentu

2. Syarat-syarat wajib zakat harta benda:

- Islam : harta yang dimiliki oleh orang Islam
- Merdeka : tidak wajib kepada golongan hamba
- Cukup Nisab : genap tempoh satu tahun hijriyah
- Sempurna milik : berkuasa penuh ke atas harta itu

3. Maksud cukup nisab, genap haul dan sempurna milik:

- **Cukup Nisab** : cukup sukatan, bilangan dan timbangan
- **Genap haul** : genap tempoh setahun hijrah
- **Sempurna milik** : berkuasa penuh ke atas harta itu

4. Jenis-jenis harta benda yang diwajibkan zakat:

- hasil pertanian
- binatang ternakan
- harta rikaz dan galian
- keuntungan perniagaan
- emas, perak dan mata wang

5. Nisab bagi zakat perniagaan dan kadarnya:

- Nisabnya : 20 Misqal @ 85 gram
- Kadar : 2.5 gram

6. Perbezaan antara zakat, sedekah dan cukai:

Perkara	Zakat Harta	Sedekah	Cukai
Pengertian	Mengeluarkan sebahagian drpd harta tertentu bertujuan diberikan kepada yang berhak	Bantuan kepada orang fakir dan miskin dalam bentuk harta atau perkhidmatan	Bayaran yang dikenakan oleh kerajaan kepada individu yang bekerja, syarikat dan perbadanan untk perbelanjaan negara
Hukum	Wajib	Sunat	T/jawab di sisi undang-undang
Masa	Sekali dalam setahun	Bila-bila masa	Sekali dalam setahun
Jenis Harta	Jenis harta yang ditentukan oleh syarak	Sebarang harta yang halal	Harta atau pendapatan
Kadar	Mengikut kadar yang ditetapkan oleh syarak	Mengikut kemampuan	Mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan
Penggunaan	Asnaf	Terbuka/sesiapa sahaja	Semua rakyat
Taraf	Kekal	Pilihan	Berubah mengikut kerajaan

7. Peranan pusat urusan zakat:

- membuat agihan zakat kepad asnaf
- memudahkan umat Islam mengeluarkan zakat
- memberi penerangan keutamaan mengeluarkan zakat
- memungut, mengumpul dan meningkatkan kutipan zakat negeri

8. Syarat-syarat khas wajib zakat pertanian

- cukup nisab
- tahan disimpan lama
- diusahakan oleh manusia
- bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan asasi sesebuah negara

9. Nisab zakat hasil pertanian :

- 5 Ausuk bersmaan 1000 kg
- bagi padi nisabnya 363 gantang bersamaan 1300 kg

10. Masa wajib dikeluarkan zakat pertanian:

- setelah selesai dituai atau dipetik

11. Kadar Zakat pertanian:

Tanaman Pengairannya menggunakan tenaga	5% atau 1/20
Tanaman Pengairannya tidak menggunakan tenaga dan perbelanjaan yang tinggi	10% atau 1/10

12. Hikmat mengeluarkan zakat harta :

- membersihkan diri dari tamak dan bakhil
- membersihkan harta daripada hak orang lain
- melahirkan sifat pemurah dan suka membantu
- melahirkan kesyukuran terhadap nikmat Allah SWT
- mengeratkan silaturahim antara orang kaya dan miskin

13. Peranan zakat dalam pembangunan masyarakat:

- meningkatkan taraf hidup fakir miskin
- memberi modal perniagaan kepada golongan miskin
- memberi peluang pendidikan kepada golongan yang memerlukan
- mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin.